

# Aktifkan fungsi *GodMode* dalam Windows

**G**odMode adalah folder khas dalam Windows yang memberikan capaian cepat kepada lebih daripada 200 program dan tetapan yang biasanya terletak di dalam program *Control Panel*, tetingkap dan menu yang berlainan.

Langkah-langkah untuk mengaktifkan fungsi *GodMode* ini dalam Windows adalah seperti berikut.

**1** Buat folder baharu di mana sahaja dalam Windows. Caranya dengan mengklik kanan atau ketik dan tahan pada ruang kosong dalam sebarang folder dalam Windows, dan pilih *New > Folder*.

**2** Apabila diminta untuk menamakan folder itu, salin dan tampal nama berikut ke dalam kotak teks.

*God Mode.{ED7BA470-8E54-465E-825C-99712043E01C}*

**3** Dwiklik atau ketik dua kali folder baharu untuk membuka fungsi *GodMode*.

Permulaan teks *GodMode* hanyalah nama yang tidak berapa sesuai. Oleh itu, nama itu boleh ditukar kepada apa sahaja yang ingin membantu dan mengenal pasti folder tersebut.

Ikon folder akan berubah menjadi ikon *Control Panel* dan selepas itu, apa-apa nama folder yang diberikan akan hilang.

Walaupun telah diberi

## Tutorial ICT

Bersama **FIRKHAN**  
*sembangict@yahoo.com*



amaran pada langkah sebelumnya untuk menggunakan folder kosong untuk mendapatkan *GodMode*, ada cara untuk membongkar fail dan membalikkannya kepada fungsi *GodMode* jika secara tidak sengaja melakukan ini pada folder sedia ada.

*GodMode* adalah folder pantas untuk capaian penuh kepada program dan tetapan pentadbiran dalam Windows. Fungsi ini juga menjadikannya mudah dengan menyediakan capaian pantas ke tetapan tersebut di tempat lain seperti komputer meja.

Sebagai contoh, dalam Windows 10, untuk mengedit pemboleh ubah persekitaran boleh mengambil laluan capaian lama dan membuka *Control Panel* dengan pergi *System and Security > System > Advanced System Settings* atau terus menggunakan *GodMode* untuk mencapai pilihan pengeditan pemboleh ubah persekitaran sistem untuk mencapai tempat yang sama dengan lebih pantas.